

Faṭimah al-Zahrā

Siapa orangnya di antara orang-orang Islam di Timur dan di Barat yang tidak mengenal Saidatina Faṭimah al-Zahrā rāḍī Allāh ‘anhā?!

Tetapi kebanyakkan mereka hanya mengetahui bahawa dia anakanda Rasulullah ᷽allā Allāh ‘alaih wa sallam dan isteri kepada Saidina ‘Alī rāḍī Allāh ‘anh, sedikitlah sangat di antara mereka yang mengetahui perihal Faṭimah terhadap Tuhannya dan perihal sikapnya terhadap dirinya sendiri dan terhadap orang ramai.

Orang ramai mengetahui bahawa Faṭimah anakanda Nabi, tetapi bagaimana pendangan Faṭimah terhadap dirinya sendiri?

Perkara ini boleh dapat dibaca daripada athar atau khabar cerita yang telah diriwayatkan orang tentang dirinya. Pada suatu hari Saidina ‘Alī telah menceritakan kepada “Ibn A’bid” tentang kehidupan suami isteri setelah Saidatina Fatimah wafat:

“Faṭimah ialah bintu Rasulullah ᷽allā Allāh ‘alaih wa sallam yang sangat-sangat dimuliai. Ia juga isteriku, tetapi Faṭimah telah mengisir gandum sendiri sehingga lima tangannya. Ia telah mengangkat air sendiri sehingga tali “Qurbah” meninggalkan tanda di dadanya, ia telah mengemas dan membersihkan rumah sehingga pakaianya berdebu, ia telah bertungkus lumus di dapur sehingga comot dan kotor kain bajunya, dan sehingga tercedera dan ditimpa beberapa perkara yang menyakitinya.”

Demikianlah Saidatina Faṭimah rāḍī Allāh ‘anhā telah menghabiskan hayatnya : tangannya lebam kerana batu pengisar gandum, dadanya bertanda kerana tali “Qurbah” dan pakaian comot sebagaimana yang telah disebutkan.

Bahkan Faṭimah pernah menderita lebih daripada itu. Ia pernah mengalami dalam masa hamil, apabila ia menepek roti

di dalam kuali maka hujung dapur akan menyentuh perutnya dan menyakitinya. Hal itu telah diadukan kepada Nabi dan ia telah bermohon supaya diberikan seorang khadam. (Oleh kerana baginda sangat sempit sebagaimana kemiskinan hidup Saidina ‘Alī – suaminya) maka baginda telah menolak permintaannya itu dengan Saidina yang bermaksud:

“...mahukah Engkau aku tunjukkan suatu jalan yang lebih baik daripada itu? Apabila engkau berada di tempat tidur, hendaklah Engkau membaca: “*Subḥāna Allāh*” tiga puluh tiga kali, dan “*Alḥamdu lillāh*” tiga puluh tiga kali, serta “*Allāhu akbar*” tiga puluh empat kali.”

Demikianlah ayahanada telah menolak permintaan dan telah menambahkan kerjanya yang berat dengan suatu kerja yang baharu pula adakah berlaku semuanya itu disebabkan kekerasan ayahandanya yang berhati lapang sehingga boleh muat semua orang?...Tidak!

Rasanya cukuplah bagi mengetahui setakat mana kedudukan Faṭimah di dalam hati junjungan kita apabila merenungkan sabdanya ini:

“*Innamā Faṭimatun, Ibnaī biḍa ’at minnī, yarīnī ma arā bihā wa yu’dhīnī mā adhāhā*”

Ertinya:“Hanyasanya Faṭimah anakku ialah sepotong daripada aku, apa yang mendatangkan syak dan mengeruhkan perasaannya akan mendatangkan syak dan mengeruhkan perasaanku dan apa yang menyakitkan dia, akan menyakitkan daku”.

Suatu peristiwa telah diceritakan oleh Anas bahawa Rasulullah (SAW) dalam suatu majlis telah bertanya: “Apakah yang lebih baik kepada kaum perempuan?” Pertanyaan itu tak dapat kami menjawabnya, ‘Alī pun pergi mendapatkan Faṭimah lalu diceritakan pertanyaan itu kepadanya. Faṭimah

pun berkata: Alangkah elok kalau kekandamu menjawab: “Perkara yang baik bagi kaum perempuan ialah janganlah mereka melihat lelaki dan jangan lelaki melihat mereka?” (yakni jangan dua jenis manusia itu bercampur gaul dengan bebas, terutama kaum perempuan pula jangan mendedahkan dirinya).

Saidina ‘Alī pun balik mendapatkan Nabi lalu menjawab sebagaimana yang diajarkan oleh Saidatina Faṭimah , siapa mengajar engkau dengan jawapan ini ?- Nabi bertanya. “Fatimah” – jawab ‘Alī pada ketika itu Nabi bersabda:

“*Innahā bidā’at minnī!* “Fatimah ialah sepotong daripada aku.

Suatu peristiwa yang lain telah diriwayatkan oleh Jābir Bin Samrah, Jābir berkata, bahawa Rasulullah (SAW) pada suatu hari telah datang lalu duduk dalam suatu majlis kemudian bersabda menyatakan menyatakan anakanda Faṭimah sakit apabila sekalian hadirin menyatakan bersetuju hendak melawatnya. Baginda pun berangkat keluar diikuti oleh mereka dan manakala tiada di muka pintu – yang sedang tertutup rapat – baginda pun bersuara “Faṭimah! Sarungkanlah pakaianmu, orang-orang kita datang melawat.

“ Ya Nabi Allah! Sahut Faṭimah dari dalam rumahnya- saya hanya memakai *ibā’ah* (baju panjang) Nabi pun mengambil kain selempangnya lalu dicampakkan dari sebalik pintu sambil bersabda:

“Ambil kain ini, pakaikan di kepalamu” lalu baginda masuk dengan dituruti oleh sahabat-sahabatnya dan setelah duduk seketika, baginda bersama-sama mereka pun berangkat balik .

Di pertengahan jalan kedengaran mereka berkata: “Aduhai! anak Nabi kita demikian penderitaannya” (yakni sedih sakit, tidak berpakaian pula). Kata-kata mereka telah dijawab oleh Rasulullah, sabdanya: “Faṭimah ialah penghulu kaum perempuan pada hari kiamat”

Faṭimah rađī Allāh ‘anhā bukan sahaja pandai menjaga kesopanan dan berperasaan suci tetapi sangat mengambil berat memilih pakaian yang longgar yang boleh menyembunyikan bentuk badannya perasaan hatinya tentang ini pernah dinyatakan kepada Isma’ katanya “ Isma’ , aku sesungguhnya, sangat-sangat tidak berkenan

dan memandang sangatlah buruknya apakah seseorang perempuan menggunakan pakaian ketat yang memperagakan bentuk badannya!”

Suatu perkara yang lain telah diceritakan oleh Saidatina ‘Aisyah rađī Allāh ‘anhā katanya: Kami semua- isteri-isteri Nabi – adalah tidak renggang dari sisi baginda ketika baginda sakit, tiba-tiba Faṭimah masuk, cara dia berjalan: saling tak tumpah seperti ayahnya, baginda pun bersabda apakala terpandang kedadangannya: “Selamat datang anakku “lalu disuruhnya duduk di sebelah kanannya, kemudian berbisik kepadanya sehingga Fatimah menangis.

Saya pun berkata kepadanya: saya salah seorang isteri baginda, tetapi baginda telah menentukan engkau dengan bisiknya di antara kami semua. Dan engkau menangis pula? Sebentar kemudian baginda berbisik dengannya lalu Faṭimah ketawa. Saya pun mendesaknya supaya menceritakan apa yang dibisikkan oleh baginda, tetapi Fatimah hanya menjawab, “tak akan saya hendak memecahkan rahsia Rasulullah!”

Setelah Nabi wafat – kata ‘Aisyah lagi – saya pun bertanya kepada Faṭimah akan perkara yang telah disibukkan oleh Nabi dahulu.

“ Sekarang baharu boleh saya menjawab” jawab Faṭimah lalu menerangkan: Adapun tentang tangisku ialah disebabkan Rasulullah telah membisikkan bahawa Jibril biasanya pada tiap-tiap tahun membacakan Quran (Sekhatam) kepadanya sekali sahaja, tetapi pada tahun ini dua kali, ayah mengatakan itulah tandanya, ajalnya, telah hampir. Saya pun menangis mendengarnya sambil menyuruh saya bertakwa kepada Allah dan bersabar, Ayah bersabda lagi: “Engkaulah – wahai Faṭimah, tidakkah engkau redha supaya- menjadi penghulu kaum perempuan umat Islam ini?” dan bersabda lagi : Engkaulah – wahai Faṭimah – yang awal sekali wafat menundaku di antara keluargaku”

“Bisikan ayat inilah yang menyebabkan saya ketawa” kata Faṭimah sebagai penutup.

Enam bulan sesudah Nabi wafat, wafatlah pula Faṭimah rađī Allāh ‘anhā wā radūhā, wa al-haqnā bihā fī al-ṣālihīn.

-Dari “ Al-Muslimun” Mesir.